

TEKS UCAPAN ALUAN

YANG BERBAHAGIA

PROFESOR EMERITUS DATUK DR. RADUAN CHE ROSE

PENGERUSI

LEMBAGA PENGARAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SEMPENA

PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA

ANJURAN

JABATAN INFRASTRUKTUR

PEJABAT PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR &

INFOSTRUKTUR (PPII)

DENGAN KERJASAMA

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

29 SEPTEMBER 2023 | JUMAAT

DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR

Terima kasih Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Naib Canselor Universiti Teknologi MARA

Yang Berbahagia Prof. Ts. Sr Dr. MD Yusof Hamid

Penolong Naib Canselor (Pembangunan)

Yang Berusaha Ir. Ts. Azman Saubiran

Pengarah Jabatan Infrastruktur

Yang Berbahagia,

- Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa
- Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar
- Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi
- Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti & Alumni
- Pendaftar UiTM
- Bendahari UiTM
- Rektor Kampus, Dekan Fakulti, Pengarah, Ketua PTJ, Jawatankuasa Penganjur, pelajar-pelajar dan para hadirin yang saya hormati.

[Salutasi - Kemas kini berdasarkan kehadiran]

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,**

1. Pada pagi yang indah ini, saya merangkapkan rasa kesyukuran ke atas Ilahi kerana, dapat kita sama-sama berkumpul di dalam **Majlis Gotong Royong Perdana** anjuran Jabatan Infrastruktur Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

2. Program gontong-royong dengan tema “KITA, KAMPUS DAN ALAM” ini selari dengan inisiatif kerajaan terutama Kementerian Pengajian Tinggi iaitu Ekosistem Kondusif Sektor Awam yang bermula pada 2017. Ia bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

3. Saya amat tertarik dengan tema program ini, yang mana mempunyai maksud yang mendalam. Ia

menunjukkan bahawa perlunya ada perhubungan antara ketiga-tiga elemen ini bagi memastikan keadaan kampus kita kondusif dan persekitaran terjaga dan tidak musnah disebabkan tangan-tangan jahat kita sebagai manusia.

4. Kita semua perlu tanamkan rasa syukur atas nikmat yang telah diberikan. Nikmat ini akan memberi kesan kepada bukan sahaja kepada kesihatan fizikal, malah kesihatan mental. Tanpa kesihatan yang baik, manakan mampu kita melakukan aktiviti- aktiviti seharian.

5. Kampus ini adalah ibarat rumah kedua kita yang perlu kita sama-sama pelihara. Di sinilah tempat kita menimba ilmu bagi paramahasiswa. Dan di sinilah tempat kita mencari rezeki bagi warga staf. Kita menghabiskan rata-ratanya lebih lapan jam sehari di dalam kampus. Justeru, seharusnya kita menjaga kebersihan dan kelestarian kampus ini.

Hadirin sekalian,

4. Sepanjang tahun 2020 dan 2021 kita digemparkan dengan wabak yang melanda dunia. Jutaan nyawa terkorban, mahasiswa tidak boleh menghadiri kuliah secara fizikal. Terpaksa bekuliah secara maya. Staf juga terpaksa berkerja dirumah. Kebebasan kita dikekang. Pada masa ini, barulah kita sedar akan nikmat berada dalam kampus.

5. Keindahan dan bersihan kampus adalah tanggungjawab kita bersama. Kita tidak boleh mengharapkan kepada Jabatan Infrastrukur PPII Sahaja dalam menggalas tanggungjawab. Pandangan ini akan menyebabkan kebarangkalian kejayaan kita untuk memastikan kampus dan alam sekitar dalam keadaan yang lestari tidak akan berjaya.

6. Tinggi harapan saya, agar program ini bakal menjadi wadah permulaan semangat cintakan kebersihan seiring tema Majlis "KITA, KAMPUS DAN ALAM".

7. Seperti yang dimaklumkan sebentar tadi, hari ini juga satu lagi sejarah akan tercipta kerana program yang julung-julung kali ini dianjurkan dengan melibatkan 34 kampus cawangan seluruh negara ini bakal tercatat dalam **“THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS”** yang mana saya difahamkan juga, program ini disertakan oleh seramai 23 ribu orang warga UiTM.

8. TAHNIAH dan syabas saya ucapkan kepada Jabatan Infrastruktur, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga kerjasama murni ini akan akan dibalas dengan kebaikan buat kita dan universiti.

9. Tanpa membuang masa, dengan lafaz *Bismillah*hirahmanirrahim, saya merasmikan majlis **GOTONG ROYONG PERDANA “KITA, KAMPUS DAN ALAM”** ini.

Sekian Terima kasih.

**Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarokatuh.**